



KENYATAAN MEDIA MENGENAI PEMBENTANGAN BAJET 2025 OLEH YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

19 Oktober 2024

Memetik:

Dato' Abdul Rahman Ahmad
Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB

PETIKAN BERMULA

Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengalu-alukan Belanjawan 2025 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri, dan Menteri Kewangan, sebagai Belanjawan progresif yang akan menyumbang ke arah pertumbuhan dan kemakmuran negara yang berterusan.

Kami menyokong penuh inisiatif yang digariskan dalam belanjawan, terutamanya mengenai rasionalisasi subsidi bersasar yang berterusan bagi mengukuhkan lagi kedudukan fiskal kerajaan, memfokuskan promosi pelaburan baharu khususnya dalam sektor teknologi, automasi dan E&E, dan inisiatif untuk meningkatkan gaji sara hidup dan produktiviti buruh. Pendekatan ini bukan sahaja bertujuan untuk memperkukuh daya tahan ekonomi kita tetapi juga menggalakkan keterangkuman dan pembangunan mampan untuk semua rakyat.

PNB juga berterima kasih atas sokongan kerajaan terhadap Celik MADANI untuk menggalakkan tabungan dalam kalangan pelajar serta pengecualian cukai ke atas dividen untuk dana-dana yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB). Sebagai Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), kami mengesahkan komitmen kami untuk memainkan peranan proaktif dalam inisiatif pembinaan negara dan bekerjasama rapat dengan kerajaan dan memastikan masa depan yang makmur untuk negara kita yang didorong oleh kerjasama, inovasi dan wawasan bersama untuk kemajuan.

PETIKAN BERAKHIR

Terima kasih.